

**PINDAAN BAYARAN DI BAWAH SKIM EX-GRATIA
BENCANA KERJA BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
WP 6.3/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
6.3 Pindaan Bayaran Di Bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Anggota Perkhidmatan Awam		
1	Kerajaan telah memutuskan supaya faedah yang sedia ada di bawah Skim <i>Ex-Gratia</i> melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 6.2/2013 bagi pegawai Kerajaan yang ditimpa kemalangan atau kecederaan semasa menjalankan tugas rasmi diperbaiki. Perkara ini telah dimaklumkan semasa pembentangan Ucapan Belanjawan Tahun 2001.	Anggota LGM
2	<p>Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan yang terlibat, seperti berikut:</p> <p>2.1. bayaran <i>Ex-Gratia</i> bagi kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau kematian akan dibuat secara pukal dan/atau bulanan berdasarkan formula seperti Lampiran A;</p> <p>2.2 taksiran tahap hilang upaya seperti Lampiran B; dan</p> <p>2.3 penyakit khidmat diiktiraf sebagai bencana kerja seperti Lampiran C.</p>	Anggota LGM
3	Pekeliling ini terpakai bagi bencana kerja yang berlaku mulai 1 Januari 2001 dan akan memberi faedah kepada kakitangan awam setanding dengan bayaran di bawah Skim PERKESO. Di bawah Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja ini, kakitangan awam tidak perlu membuat caruman, namun terus mendapat faedah hilang upaya di bawah undang-undang pencen. Oleh yang demikian, faedah di bawah Skim baru ini adalah 20% lebih rendah daripada faedah di bawah Skim PERKESO	KP/KUPSM/Anggota LGM
4	Pembayaran faedah Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja adalah hanya bagi faedah-faedah yang tidak diliputi oleh mana-mana undang-undang/peraturan berkaitan dan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang diberi di bawah undangundang/peraturan tersebut.	KP/KUPSM/Anggota LGM
5	Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja ini turut dipanjangkan kepada anggota kontrak dan sementara.	KP/KUPSM/Anggota LGM
6	Skim ini akan diuruskan oleh Panel Pegawai Skim Bayaran <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja di Perbendaharaan. Walau bagaimanapun,	Pegawai Perbendaharaan dan JPA

No	Perkara	Tanggungjawab
	urusan pembayaran akan dikendalikan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.	
7	Pegawai tetap dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional diberi pilihan sama ada memilih Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja melalui Pekeliling ini atau Skim <i>Ex-Gratia</i> di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 6.2/2013. Pilihan ini boleh dibuat semasa pegawai mendapat kecederaan manakala dalam kes kematian, keluarga pegawai secara automatik akan mendapat faedah di bawah Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja ini	Anggota LGM